



## PEKELILING NAIB CANSELOR

Bilangan 09 Tahun 2020

### PEKELILING ARAHAN PELAKSANAAN PELANJUTAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN MENGENAI HAL EHWAL STAF SEHINGGA 14 APRIL 2020 DI UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

#### 1.0 TUJUAN

Pekeliling ini memaklumkan Arahan Pelaksanaan Pelanjutan Perintah Kawalan Pergerakan mengenai Hal Ehwal Staf UiTM sehingga 14 April 2020.

#### 2.0 LATAR BELAKANG

Pekeliling ini merujuk kepada:

- i. Arahan Majlis Keselamatan Negara (MKN) mengenai Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)
- ii. Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-Langkah di dalam Kawasan Tempatan Jangkitan) (No. 2) 2020
- iii. Perutusan Khas YAB Perdana Menteri pada 25 Mac 2020 berkaitan pelanjutan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sehingga 14 April 2020

Sehubungan dengan itu, Mesyuarat Khas Majlis Eksekutif Universiti pada 25 Mac 2020 telah bersetuju untuk melanjutkan tempoh Perintah Kawalan Pergerakan bagi hal ehwal staf sehingga 14 April 2020.

#### 3.0 PELAKSANAAN

Arahan pelaksanaan bagi hal ehwal staf yang perlu diambil perhatian adalah seperti berikut:

### **3.1 Penutupan Sementara Operasi UiTM**

- i. Semua operasi perkhidmatan UiTM melibatkan pejabat, makmal dan pusat tanggungjawab adalah ditutup sementara sehingga 14 April 2020 **kecuali perkhidmatan perlu universiti (essential services)** seperintama di dalam Jadual Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-Langkah di dalam Kawasan Tempatan Jangkitan) (No. 2) 2020 di bawah Akta Pencegahan Dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 dan termasuklah apa-apa aktiviti dan proses dalam rantaian pembekalan perkhidmatan perlu itu.
- ii. Hanya staf yang berurusan dengan perkara berkaitan **kesihatan atau keselamatan dan termaktub dalam essential services** sahaja dibenarkan untuk berada di UiTM.
- iii. Hanya Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ) sahaja boleh membenarkan staf di bawah kategori **berkaitan kesihatan atau keselamatan dan termaktub dalam essential services** untuk hadir ke premis UiTM dengan mengeluarkan surat kebenaran.
- iv. Kehadiran staf UiTM di pejabat adalah secara berjadual atau penggiliran yang ditentukan oleh Ketua PTJ.
- v. Staf yang diberi kebenaran untuk hadir bertugas hendaklah:
  - a. Memastikan keadaan kesihatan yang baik dan mengambil langkah-langkah pencegahan penularan wabak COVID-19
  - b. Membawa bersama kad staf sepanjang bertugas
  - c. Melapor diri kepada Polis Bantuan di pintu masuk utama UiTM Shah Alam dan UiTM Cawangan
  - d. Melaksanakan tugas yang diarahkan oleh Ketua PTJ sahaja
  - e. Tidak berada di tempat lain selain tempat yang diarahkan bertugas
  - f. Terus pulang ke rumah setelah menyelesaikan tugas yang diarahkan
- vi. Staf adalah dimohon untuk mematuhi sepenuhnya arahan yang dikeluarkan oleh Kerajaan, Majlis Keselamatan Negara (MKN), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan UiTM dari semasa ke semasa.
- vii. Bagi staf yang dibenarkan untuk berada di rumah adalah diingatkan untuk sentiasa berada di rumah dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan ini dan hendaklah mengehadkan pergerakan dan merujuk kepada Panduan Bekerja Dari Rumah (BDR) yang dikeluarkan oleh Pejabat Pendaftar pada 30 Mac 2020.

### **4.0 TARIKH DIKELUARKAN**

Pekeliling ini dikeluarkan pada 1 April 2020.

## **5.0 TARIKH KUAT KUASA**

Pekeliling ini berkuat kuasa mengikut tarikh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan sehingga 14 April 2020. Pemakluman terkini akan dibuat dari semasa ke semasa.

## **6.0 PEMAKAIAN**

- 6.1 Pekeliling ini adalah terpakai kepada semua STAF Universiti Teknologi MARA dan untuk **edaran dalaman sahaja**
- 6.2 Pekeliling ini hendaklah dibaca bersama Perutusan Khas YAB Perdana Menteri pada 16 Mac 2020, Perutusan Khas YAB Perdana Menteri pada 25 Mac 2020 dan Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-Langkah di dalam Kawasan Tempatan Jangkitan) (No. 2) 2020
- 6.3 Kegagalan staf UiTM untuk mematuhi pekeliling ini boleh dikenakan tindakan tatatertib



**PROF. EMERITUS DATUK<sup>DR.</sup> DR. MOHD AZRAAI BIN KASSIM**  
Naib Canselor

*Salinan Kepada:*

*Semua Rektor UiTM Cawangan  
Semua Dekan Fakulti  
Semua Ketua Jabatan / Bahagian / Pusat / Unit  
Semua Warga UiTM*

*Bil. Fail : 100-UiTM (NC 6/2)  
No Siri : 100-UiTM (NC 6/2) 09*